Soalan 1 :-

1) Apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi penubuhan sesebuah Institut Memandu?

Jawapan : -

Syarat-syarat yang diperlukan bagi penubuhan sesebuah Institut memandu adalah seperti di **Lampiran 1**:-

LAMPIRAN 1

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENUBUHAN INSTITUT MEMANDU BAHARU

NAMA SYARIKAT (NAMA INSTITUT MEMANDU) : .....

KAWASAN OPERASI (DAERAH) YANG DIPOHON : .....

i) Kertas cadangan penubuhan institut memandu baru dengan justifikasi yang mengandungi :- ☐

a. Borang SM 1A (Borang Permohonan Permit Sekolah / Institut Memandu);
b. alamat surat-menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
c. cadangan lokasi tapak litar latihan dan ujian dan koordinat tapak berkenaan;
d. daerah yang dipohon untuk beroperasi;
e. populasi (jumlah) penduduk daerah tersebut dari Jabatan Perangkaan Malaysia (termasuk berdasarkan lingkungan umur);
f. tujuan / sebab-sebab mengemukakan permohonan; dan
g. jumlah institut memandu sedia ada di daerah yang dipohon.

ii) Pemohon hendaklah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dan telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000 yang dibuktikan melalui Borang 24, Akta Syarikat 1965 atau Borang Teras, Akta Syarikat 2016. ☐

iii) Memiliki modal pusingan sekurang-kurangnya RM500,000 yang dibuktikan menerusi penyata simpanan tetap/semasa bank akaun syarikat/pemegang saham syarikat (minimum tiga (3) bulan yang terkini). ☐

iv) Tapak tanah dengan keluasan sekurang-kurangnya lima (5) ekar yang dimiliki sama ada melalui sewaan (sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun), pajakan atau dibeli dengan disertakan bersama salinan dokumen perjanjian, persetujuan atau kebenaran daripada pemilik tanah yang telah disahkan (dimatikan setem), atau geran tanah yang telah disahkan. Pelan tapak tanah dan rekod ketuanpunyaan tanah hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tersebut. ☐

v) Tapak cadangan memenuhi syarat jarak yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya tujuh (7) km dari Institut Memandu sedia ada (beroperasi/ sedang dalam pembinaan) bagi Malaysia Barat manakala sekurang-kurangnya lima (5) km bagi Sabah dan Sarawak. Pembinaan jarak ini adalah tertakluk kepada ketetapan berikut :- ☐

a. kepadatan populasi penduduk sesuatu kawasan;
b. geografi tapak yang dipohon;
c. tahap pembangunan infrastruktur; dan
d. kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan tersebut.

vi) Syarat penggunaan tanah dan pembinaan sebarang bangunan di atas tanah berkenaan hendaklah mendapat kelulusan Pentadbir Tanah Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Pihak-pihak Berkuasa yang berkaitan bagi tujuan pembangunan institut memandu serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. ☐

vii) Dokumen-dokumen Pendaftaran/ Pemerbadanan Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 yang dibuktikan melalui :- ☐

LAMPIRAN 1

Jenis Maklumat	Akta Syarikat 1965	Akta Syarikat 2016
Sijil pemerbadanan sesebuah syarikat	Borang 9 (Sijil Pemerbadanan Syarikat Persendirian) atau Borang 13 (Sijil Pemerbadanan Pertukaran Nama Syarikat)	Seksyen 17 (Sijil Perakuan Pemerbadanan Syarikat) Seksyen 28
Butiran berkaitan saham sesebuah syarikat	Borang 24	Seksyen 78 Seksyen 51
Butiran berkaitan pengarah sesebuah syarikat	Borang 49	Seksyen 14 Seksyen 58
Butiran berkaitan pendaftaran alamat sesebuah syarikat	Borang 44	Seksyen 46
Butiran muktamad bahawa syarikat telah didaftarkan dengan sewajarnya	Sijil Pemerbadanan	Seksyen 15 (Notis Pendaftaran)

viii) Memorandum of Association (MOA) yang menyatakan aktiviti berkaitan dengan latihan atau perniagaan yang berkaitan dengan permohonan yang diajukan pemohon. (Jika pemohon bukan pemilik tanah). ☐

ix) Surat persetujuan untuk bergabung daripada semua pemegang permit sekolah memandu yang sedia ada dan masih aktif yang mana menyatakan persetujuan mereka untuk bergabung menubuhkan institut memandu dan akan menyerahkan permit sekolah memandu mereka sekiranya syarikat diluluskan untuk beroperasi sebagai institut memandu kelak. Bagi kes di atas, permohonan untuk membuka Pejabat Pendaftaran Calon (PPC) boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelesenan Institusi Memandu (JKPIM). Mana-mana permohonan yang mengemukakan dokumen ini sebagai bukti akan diberikan keutamaan (Jika perlu sahaja). ☐